

# Umat Islam perlu kaji kelemahan sendiri: PM

8 AUG 1986

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata umat Islam patut mengkaji kelemahan sendiri terlebih dahulu dalam usaha memperbaiki diri mereka sebelum cuba memperbaiki orang lain dan masyarakat keseluruhan.

Perdana Menteri berkata, tidak ada gunanya umat Islam bercakap atau mencari kesilapan orang lain sedangkan diri sendiri tidak terjaga serta mereka sendiri tidak memberikan sumbangan kepada negara.

Dalam hal ini, tegasnya, nilai-nilai keluhuran dan keikhlasan perlu dalam membuat tafsiran supaya sesuatu tafsiran tidak dibuat bagi kepentingan lain selain daripada agama.

"Inilah perkara yang perlu diberi perhatian oleh mereka yang cintakan Islam dan ingin berpegang kepada agama. Ketika ini tumpuan terlalu diberikan kepada sesuatu atau sebahagian daripada agama sahaja.

"Kita perlu menyoalkan diri sendiri apakah amalan yang kita lakukan benar-benar secukupnya dengan Islam," tegasnya ketika merasmikan Seminar Kefahaman dan Penghayatan Islam, di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, apa yang berlaku di kalangan umat Islam hari ini ialah penumpuan

terhadap soal rupa bentuk Islam yang dibuat atau ditafsirkan oleh mereka sendiri seolah-olah rupa bentuk sahaja menjadikan mereka Islam.

Sebaliknya, tegas Datuk Seri Dr Mahathir, nilai-nilai penting yang terkandung dalam ajaran Islam dan menentukan kegemilangan Islam itu sendiri tidak diberi perhatian.

"Ini bermakna penghayatan Islam kita tidak seimbang dengan memberikan tumpuan kepada sesuatu sudut sahaja. Selagi ia tidak seimbang, Islam yang kita anuti menjadi berat sebelah serta tertumpu kepada beberapa perkara.

"Kalau kita benar-benar berpegang kepada Islam, kita tentu berjaya di dunia dan akhirat," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, banyak golongan membuat dakwaan yang mengelirukan mengenai Islam berikutan tidak adanya sifat-sifat keluhuran, keikhlasan dan kejujuran pada diri mereka.

Keadaan itu, katanya, bukan sahaja berlaku di negara ini, malah negara-negara Islam yang lain.

"Ramai orang Islam diperalatkan oleh orang bukan Islam untuk menghapuskan orang Islam yang lain dengan menggunakan nama Islam," tegasnya.